

21/01/2002

`Peluang MCA bersatu semula'

kor Kasim; Noh Ahmad

SEREMBAN, Ahad - Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan memberi peluang kepada MCA untuk bersatu padu seperti sebelumnya.

"Pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan di Perlis membuktikan yang apabila kita berdiri bersama, bekerjasama dan bergerak bersama, hasilnya adalah cemerlang.

"Saya berharap pada masa depan kita akan menggunakan pengalaman ini dengan sebaiknya," katanya selepas merasmikan seminar ekonomi anjuran Wanita MCA Negeri Sembilan di sini, hari ini.

"Kerjasama yang ditunjukkan itu juga bukan satu lakonan seperti didakwa. Saya sentiasa menekankan kita adalah satu keluarga yang kadangkala ada perbezaan pendapat dan ini tidak semestinya mengancam perpaduan parti," katanya.

"Selaku presiden, saya puas hati kerana semua pemimpin MCA berada di Indera Kayangan membantu kempen calon BN. Saya mengalu-alukan sikap mereka itu dan ini hendaklah diteruskan pada masa depan.

"MCA adalah sebuah parti mengamalkan demokrasi dan setiap ahli perlu sanggup memberi ruang antara satu sama lain," katanya.

BN mengekalkan kerusi Indera Kayangan dengan majoriti lebih besar apabila calonnya Ooi Ah Lan menewaskan Khoo Yang Chong daripada Keadilan. Ooi, 59 mendapat 4,279 undi manakala Khoo, 60, memperoleh 1,687 undi, iaitu majoriti 2,592 undi, bertambah 618 berbanding pilihan raya umum 1999.

Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata pihaknya puas hati dengan kerjasama yang ditunjukkan pemimpin dan penyokong Wanita MCA sepanjang kempen pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata, kemenangan itu adalah satu perangsang bagi MCA untuk bergerak ke arah menyatupadukan semua ahli di semua peringkat.

Di AYER TAWAR, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, berkata kemenangan BN itu membuktikan kemampuan semua parti komponen `meninggalkan masalah di belakang' serta komited dalam memastikan kemenangan calonnya.

Katanya, selepas lebih dua tahun, rakyat semakin sedar perjuangan sempit Keadilan yang hanya memperjuangkan hak individu.

"Lebih-lebih lagi di Indera Kayangan, di belakang Keadilan sebenarnya ialah Pas yang dilihat membuat pengumuman mengenai isu keganasan dan militan yang akhirnya menimbulkan ketakutan rakyat," katanya selepas merasmikan kempen kesihatan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Air Tawar, hari ini.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, parti pembangkang terutama Pas dan Keadilan tidak mampu mempengaruhi rakyat pelbagai bangsa di negara ini selepas prestasi kedua-dua parti itu dinilai sejak dua tahun lalu.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad menyifatkan kemenangan BN di Indera Kayangan sebagai pukulan kepada Pas, walaupun calon Keadilan yang bertanding di situ.

Katanya, ini kerana sepanjang empat hari berkempen di kawasan itu, beliau mendapati Pas mengambil kesempatan dengan cuba meluaskan pengaruh di kalangan pengundi Melayu.

"Memang ini kerja Pas yang sentiasa mengambil kesempatan. Mereka tidak ikhlas membantu Keadilan, tetapi hanya bercita-cita meluaskan pengaruh

dalam usaha menawan Perlis dalam pilihan raya umum akan datang.

"Namun, pengundi di Indera Kayangan sudah memberi gambaran jelas bahawa cita-cita Pas itu hanya mimpi belaka," katanya.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat berkata kemenangan BN dengan majoriti besar membuktikan rakyat menerima kepemimpinan BN untuk terus memerintah.

Beliau berkata, ia juga membuktikan rakyat menghargai kepimpinan BN sekali gus menunjukkan rakyat bersatu dan ingin mengekalkan keamanan serta kestabilan politik.

"Kemenangan BN dengan majoriti besar pada pilihan raya itu membuktikan rakyat di negara ini dapat menerima kepemimpinan BN dan sekali gus cintakan keamanan negara," katanya selepas menghadiri majlis Ramah Mesra dengan bakal haji dari Sabah di Kompleks Haji, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, rakyat di negara ini juga jelas dengan pergolakan yang berlaku di beberapa negara besar dunia berikutan ketiadaan keamanan dan kestabilan politik.

Di MELAKA, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam menganggap kekalahan Keadilan itu sebagai titik permulaan 'berkuburnya' parti itu di Perlis.

Beliau berkata, kemenangan yang memihak calon BN dengan majoriti lebih besar, membuktikan orang ramai menolak cara Keadilan yang gemar bereformasi untuk mencapai cita-cita mereka seperti yang sering berlaku di Indonesia.

Katanya, kemenangan itu juga jelas menggambarkan bahawa orang ramai mula menolak parti yang tidak mempunyai dasar perjuangan yang kukuh untuk membawa kebaikan, kestabilan serta pembangunan negara.

Di LUMUT, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, kemenangan BN di Indera Kayangan membuktikan rakyat menolak parti pembangkang yang tidak mempunyai landasan teguh membangunkan negara.

"Rakyat lebih yakin kepada kemampuan BN dan Dr Mahathir dalam menentukan masa depan negara. Sebab itulah mereka memberikan kemenangan lebih besar kepada calon BN," katanya ketika ditemui selepas melancarkan projek Marina Cove Resort.

Cuepacs turut mengutus ucapan tahniah kerana kemenangan itu kepada Dr Mahathir dan juga Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Kongres Indian Muslim Malaysia (Kimma) pula berkata kemenangan Oui itu membuktikan bahawa BN banyak membawa kejayaan dan kemakmuran kepada semua rakyat.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kemenangan BN di DUN Indera Kayangan memberi semangat kepada jentera Umno negeri untuk bekerja keras menerusi pengalaman berkempen.

Katanya, kejayaan calon BN semalam, memberi petanda baik bahawa kempen yang dijalankan oleh petugas Umno negeri sejak dua minggu lalu diterima pengundi Perlis.

"Di Indera Kayangan, kita ditugaskan menjaga peti undi Guar Syed Alwi. Kita tahu pada pilihan raya umum 1999 lalu, kita (BN) kalah sebanyak 72 undi di peti undi ini, tetapi semalam kita menang 248 undi.

"Pertambahan 176 undi membuktikan pengundi Perlis menerima kehadiran Umno Kelantan," katanya selepas mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, di Bangunan Umno negeri, di sini, hari ini.

Mustapa berkata beliau sudah memaklumkan kepada semua Ketua Umno bahagian bahawa momentum yang bermula di Indera Kayangan perlu dibawa balik ke Kelantan secepat mungkin untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap parti itu.

"Di sini (Kelantan) kita ada tiga wakil rakyat Keadilan, kita tahu Keadilan tidak ada ramai ahli, mereka tinggal berterabur, mungkin 100 atau

200 orang ahli. Mereka menang kerana mendapat sokongan Pas," katanya.
(END)